

# PRU Retirement Growth

Pendapatan terjamin untuk

*kesenangan selepas bersara*



**PRUDENTIAL**

Mendengar. Memahami. Melaksana

En. Azlan's number

**RM 1,703,080**

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Prudential Assurance Malaysia Berhad  
198301012262 (107655-U)  
Ahli PIDM

# Pelan yang penting untuk tahun-tahun keemasan anda

## Sepintas lalu:

**PRU**Retirement Growth membolehkan anda menikmati:

- > **Pendapatan TERJAMIN** bulanan
- > **Pulangan TERJAMIN** lebih tinggi
- > **Pembayaran sekali gus**
- > **Pengeluaran fleksibel**
- > **Perlindungan Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)**

## Pelan yang menjamin pendapatan untuk persaraan yang menyenangkan

Apakah impian anda untuk persaraan? Sama ada anda ingin membuka restoran sendiri, menjelajah dunia, atau berpindah dari kesibukan hidup kota untuk berada lebih dekat dengan orang tersayang, setiap gaya hidup persaraan yang kita impikan ada harganya.

Dengan kesan inflasi, angka tersebut boleh menjadi jauh lebih besar apabila anda bersara nanti. Akibatnya, simpanan semasa anda mungkin tidak mencukupi untuk menampung keperluan anda apabila tiba masa untuk anda bersara. Itulah sebabnya anda memerlukan pelan. Pelan yang boleh membantu anda mencapai gaya hidup persaraan yang anda inginkan, serta lebih baik lagi, suatu pelan yang menjamin anda pendapatan pada zaman keemasan anda, serta mempunyai potensi untuk memberi pulangan besar atas pelaburan anda.

Dengan **PRU**Retirement Growth, kami boleh membantu anda melaksanakan impian persaraan anda.

# » Manfaat

## Pendapatan TERJAMIN bulanan

Pendapatan bulanan sepanjang peringkat pembayaran akan dibayar tanpa mengira nilai pelaburan anda selepas peringkat pengumpulan (sekalipun jika nilai pelaburan sudah menjadi sifar).

## Pulangan TERJAMIN lebih tinggi

Malah, **PRU**Retirement Growth adalah LEBIH BAIK daripada pelan modal terjamin kerana jumlah pendapatan terjamin bulanan yang anda terima sepanjang peringkat pembayaran PASTI LEBIH daripada premium tunggal yang anda laburkan sebagai permulaan.

## Pembayaran sekali gus

Baki nilai pelaburan anda pada akhir peringkat pembayaran (jika ada) akan dibayar secara sekali gus. Anda boleh menggunakannya untuk keperluan peribadi, untuk pelaburan selanjutnya, atau anda juga boleh menyimpannya untuk warisan keluarga.

## Pengeluaran fleksibel

Pengeluaran sebahagian boleh dibuat pada bila-bila masa dan untuk sebarang jumlah yang anda kehendaki (tertakluk kepada jumlah minimum RM100 dan nilai baki dana tidak kurang daripada RM10,000 atau 10% daripada premium tunggal, yang mana lebih rendah). Sebarang pengeluaran yang fleksibel ini akan menyebabkan premium tunggal dan pendapatan terjamin susut bersekadar dengannya. Premium tunggal dan pendapatan terjamin yang susut ini ditakrifkan sebagai premium tunggal semasa dan pendapatan terjamin semasa.

## Perlindungan Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)

**PRU**Retirement Growth bukan pelan simpanan semata-mata. Ia memastikan anda dilindungi daripada sebarang kejadian yang tidak diduga. Sekiranya ditakdirkan berlaku Kematian atau TPD sebelum Ulang Tahun Polisi umur 60 tahun pada hari jadi akan datang, anda akan menerima yang mana lebih tinggi:

Nilai Aset Bersih (NAV) dana anda, tertakluk kepada jumlah minimum RM5,000  
ATAU  
125%\* daripada premium tunggal semasa anda - Pendapatan terjamin semasa x Bil.  
bulan pendapatan dibayar

\* Bagi hayat sub-standard, ia adalah 105% daripada premium tunggal semasa.

# » Mengenai PRURetirement Growth

## 1. Apakah PRURetirement Growth?

PRURetirement Growth adalah pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium tunggal yang membayar **pendapatan terjamin bulanan**.

## 2. Bagaimanakah PRURetirement Growth berfungsi?

PRURetirement Growth dibahagi kepada 2 peringkat utama – **Peringkat Pengumpulan** dan **Peringkat Pembayaran**.

### Peringkat Pengumpulan

Anda memilih tempoh untuk mengumpul dana anda. Selepas itu, anda memilih tempoh tertentu untuk menerima pendapatan terjamin bulanan anda.

### Peringkat Pembayaran

Berdasarkan tempoh yang anda pilih untuk peringkat pengumpulan dan pembayaran, pendapatan terjamin bulanan anda (dibayar setiap bulan) dikira berasaskan peratusan premium tunggal kasar (sila rujuk jadual di bawah).

Tempoh Pengumpulan (Tahun)	Tempoh Pembayaran (Tahun)			
	15	20	25	30
5	7.00%	5.65%	4.70%	4.10%
10	8.00%	6.25%	5.20%	4.50%
15	9.00%	7.00%	5.80%	5.00%
20	10.00%	7.75%	6.40%	5.50%
25	10.70%	8.25%	6.80%	5.85%
30	11.35%	8.75%	7.20%	6.20%
35	12.35%	9.50%	7.80%	
40	13.35%	10.25%		

### 3. Siapa yang patut mendapatkan pelan ini?

Individu berumur antara 30 dan 65 tahun yang ingin mencapai impian persaraan mereka.

### 4. Apakah julat premium tunggalnya?

	Minimum	Maksimum
Premium Tunggal Permulaan	RM10,000	Tiada had
Hayat Substandard	RM10,000	RM1,000,000 setiap hayat bagi polisi-polisi PRURetirement Growth

Bayaran boleh dibuat dalam bentuk tunai atau cek daripada mana-mana bank.

### 5. Bagaimanakah Premium Tunggal saya akan dilaburkan?

95% daripada Premium Tunggal anda akan dilaburkan dalam dana PRULink Golden Equity Fund, dana PRULink Golden Bond Fund (Peringkat Pengumpulan) dan dana PRULink Golden Managed Fund (Peringkat Pembayaran) yang diuruskan oleh pasukan pelaburan kami.

Cara di mana simpanan anda dilaburkan antara 3 dana tersebut adalah bergantung kepada tempoh pengumpulan yang dipilih. Walaubagaimanapun, pada tempoh pembayaran, simpanan anda akan dilaburkan pada kadar tetap yang tidak bergantung kepada tempoh pembayaran, seperti yang ditunjukkan pada jadual di bawah:

Jadual Campuran Aset				
Tempoh	Tempoh Pengumpulan		Tempoh Pembayaran	
	PRULink Golden Equity Fund (%)	PRULink Golden Bond Fund (%)	PRULink Golden Managed Fund (%)	
			Komponen Ekuiti (%)	Komponen Bon/Tunai (%)
5	25%	75%	Tiada	Tiada
10	30%	70%	Tiada	Tiada
15	35%	65%	20%	80%
20	40%	60%	20%	80%
25	45%	55%	20%	80%
30	50%	50%	20%	80%
35	55%	45%	Tiada	Tiada
40	60%	40%	Tiada	Tiada

Untuk maklumat lanjut mengenai dana ini, sila rujuk Lembaran Fakta Dana PRULink Golden Fund.

## 6. Bagaimanakah jumlah pembayaran terjamin akan dibayar?

Pendapatan bulanan terjamin akan dibayar pada setiap bulan dalam tempoh pembayaran selagi pemegang polisi masih hidup. Kami akan menghantar cek atau mengkreditkan jumlah bayaran ke dalam akaun bank yang anda tetapkan setiap bulan, bergantung kepada arahan anda.

## 7. Bolehkah saya menukar tempoh Pengumpulan dan/atau tempoh Pembayaran semasa pelan ini berkuatkuasa?

Anda boleh meminta untuk membuat pertukaran kepada tempoh Pengumpulan dan/ atau tempoh Pembayaran anda sekali sahaja sepanjang Peringkat Pengumpulan. Bagaimanapun, pertukaran tempoh pembayaran sahaja tidak dibenarkan. Pertukaran tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Polisi.

## 8. Bagaimana sekiranya saya menukar fikiran?

### **Pembatalan dalam tempoh tinjauan percuma 15 hari**

NAV dana ditambah premium tidak diperuntukkan dan sebarang caj pendahuluan lain akan dibayar balik kepada anda.

### **Pembatalan sepanjang Peringkat Pengumpulan atau Peringkat Pembayaran**

Selepas anda menyerahkan balik polisi, nilai unit dan sebahagian caj insurans akan dibayar. Bayaran balik caj insurans hanya akan dibuat bagi 10 tahun pertama polisi.

## 9. Bagaimana saya hendak mengikuti prestasi dana?

Harga unit disiarkan setiap di laman web korporat kami di [www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my)\*

**Sila ambil perhatian bahawa ini adalah produk insurans yang dikaitan dengan prestasi aset-aset pendasar, dan bukannya produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**

*\*Prestasi pelaburan dana-dana adalah tidak dijamin.*

## 10. Apakah caj yang dikenakan?

### Caj insurans

Caj insurans sekali, berasaskan usia penyertaan anda, akan dipotong daripada dana selepas penerimaan (rujuk jadual di bawah).

Jadual Caj Insurans	
Usia pada hari jadi akan datang	Caj Insurans (sebagai % premium tunggal)
30-45	0.50%
46-50	1.00%
51-55	1.50%
56-60	2.25%
61-65	3.50%

### Caj pengurusan dana

**PRULink Golden Equity Fund:** 1.5% setahun; **PRULink Golden Bond Fund:** 1.0% setahun; **PRULink Golden Managed Fund:** 1.1% setahun\*

### Caj perkhidmatan

Caj perkhidmatan sekali RM100 dikenakan sewaktu pembelian.

### Caj jaminan

0.10% setahun daripada nilai unit.

### Caj pentadbiran

Sepanjang tempoh pembayaran, caj rata RM2 sebulan akan dikenakan.

### Caj pemprosesan

Caj RM25 akan dikenakan untuk sebarang pertukaran tempoh pengumpulan dan untuk setiap permintaan pengeluaran sebahagian yang dibuat.

*\* Caj pengurusan dana yang dikenakan sepanjang peringkat pengumpulan akan bergantung kepada tempoh pengumpulan anda yang dipilih pada masa permulaan polisi.*

*Sila ambil perhatian bahawa Caj perkhidmatan, caj jaminan, caj pentadbiran dan caj pemprosesan adalah tertakluk kepada cukai (jika ada). Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk untuk implikasi bagi cukai.*

# » PRURetirement Growth dalam 3 Langkah Mudah

## Langkah 1: Premium Tunggal Awal

Marilah kita membuat andaian bahawa anda sekarang berumur 40 tahun dan anda membayar premium tunggal RM100,000.

## Langkah 2 : Pilih tempoh bagi Peringkat Pengumpulan dan Peringkat Pembayaran

Anda memilih untuk mengumpul dana anda selama 15 tahun, dan memutuskan bahawa tempoh untuk anda menerima pembayaran adalah 20 tahun.

## Langkah 3 : Masa Pembayaran!

### Pada akhir Peringkat Pengumpulan anda:


Anda akan mula menerima pendapatan terjamin tahunan RM7,000 (RM583.33 dibayar setiap bulan) sepanjang 20 tahun Peringkat Pembayaran, yang berjumlah RM140,000.

### Pada akhir Peringkat Pembayaran anda:

Anda akan menerima baki nilai dana anda menerusi bayaran sekali gus selain daripada pendapatan bulanan terjamin yang sudah anda terima. Berasaskan unjuran kami, anda boleh mendapat sehingga RM184,637 bergantung kepada prestasi dana<sup>1</sup> anda. Jika keadaan pasaran tidak baik, anda akan TETAP menerima pendapatan terjamin bulanan sepanjang Peringkat Pembayaran, dalam kes ini, RM7,000 x 20 tahun.



# Huraian ringkas mengenai bagaimana PRU Retirement Growth berfungsi



Ini bermakna, dengan hanya satu pelaburan permulaan dalam **PRU** Retirement Growth, anda dijamin memperoleh pendapatan terjamin bulanan selepas anda bersara. Jumlah yang anda akan terima juga dijamin **LEBIH TINGGI** daripada yang anda laburkan, dengan kemungkinan nilainya akan naik lagi apabilamatang. Tiada cara yang lebih baik untuk menjamin gaya hidup persaraan impian anda selain dengan **PRU** Retirement Growth!

<sup>1</sup> Pulangan pelaburan yang diunjurkan adalah untuk tujuan ilustrasi. Ia tidak dijamin ataupun berasaskan prestasi masa lepas. Nilai baki dana yang diunjurkan mengandaikan undang-undang, cukai, yuran dan pulangan pelaburan (setahun) semasa, dan berasaskan purata wajaran kadar unjuran yang digunakan pada waktu ini untuk polisi berkaitan pelaburan. Unjuran baki nilai juga adalah berdasarkan anggapan bahawa tidak terdapat sebarang pengeluaran fleksibel dilakukan semasa sepanjang tempoh polisi.

Dalam contoh ini, 35% daripada premium tunggal dilaburkan dalam **PRU**Link Golden Equity Fund manakala 65% dilaburkan dalam **PRU**Link Golden Bond Fund pada tempoh pengumpulan. Apabila polisi sudah memasuki tempoh pembayaran, dana ini dilaburkan sepenuhnya dalam **PRU**Link Golden Managed Fund.

Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butir-butir lanjut mengenai cara nilai dana diunjurkan.



For more information, visit our website at [www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my) or contact one of our friendly Prudential Wealth Planners. We're always here to help.

## Nota Penting

1. Semua dana **PRULink** dilaburkan dalam sekuriti diluluskan Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Produk **PRURetirement** bukanlah produk berlandaskan Syariah.
2. Syarikat mempunyai hak untuk mengubah kadar premium dan caj (kecuali caj insurans untuk manfaat Kematian dan TPD) pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 90-hari terdahulu.
3. Anda hendaklah menaksir kemampuan bayar dan kesesuaian produk (termasuk manfaat opsyenal) berkaitan dengan matlamat kewangan dan selera risiko anda. Untuk berbuat demikian, kami syorkan anda berbincang dengan ejen atau Perancang Kekayaan anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan termaklum.
4. Perlindungan sehingga umur tamat tempoh adalah tertakluk kepada unit yang mencukupi untuk ditolak caj insurans, caj perkhidmatan, caj jaminan (jika ada) dan caj pentadbiran (jika ada).
5. Jika anda membatalkan polisi ini pada tahun-tahun permulaan, anda mungkin tidak dapat memperoleh nilai sepenuhnya daripada amaun yang telah anda bayar. Berikutan penyerahan, pelbagai manfaat di bawah pelan ini tidak berkuat kuasa.
6. Tempoh membuat keputusan selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh pengeluaran polisi anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Sekiranya polisi ini dibatalkan dalam tempoh tersebut, nilai unit (pada tarikh penentuan harga yang berikutan) berserta premium belum diperuntukkan, caj perkhidmatan, caj insurans dan cukai (jika ada) selepas ditolak perbelanjaan perubatan akan dipulangkan. Tambahan lagi, sekiranya tokokan telah dilakukan, 5% daripada premium belum diperuntukkan ditolak perbelanjaan perubatan akan dipulangkan. Tokokan tidak dikenakan sebarang caj insurans.
7. Sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh setahun dari tarikh efektif polisi atau tarikh penguatkuasaan semula polisi, yang mana lebih kemudian, semua premium yang telah dibayar (tidak termasuk cukai, jika ada) akan dikembalikan tanpa faedah. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi, Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini.
8. Risalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana sebelum membeli pelan ini, serta merujuk kepada terma dan syarat di bawah pelan ini dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
9. Premium tidak terbayar mungkin menyebabkan polisi ini ditamatkan.
10. Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah syarikat insurans berlesen dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
11. Risalah ini hendaklah digunakan bersama Lembaran Fakta Dana **PRULink Golden Fund** dan Risalah Pendedahan Polisi Berkaitan Pelaburan.

## Laksanakan impian persaraan anda hari ini!